

Banjir di Sarawak bertambah buruk

» *Seramai 10,451 mangsa diarahkan berpindah*

Oleh Kandau Sidi, Mohd Roji Kawi dan Muhd Amirul Faiz Ahmad
bhnews@bh.com.my

► Kuching

Keadaan banjir di Sarawak semakin buruk, dengan keseluruhan 10,451 mangsa diarahkan berpindah sehingga lewat petang semalam.

Mereka adalah daripada 2,397 keluarga yang ditempatkan di 53 pusat pemindahan yang dibuka di seluruh negeri sehingga jam 4 petang semalam.

Statistik Majlis Keselamatan Negara (MKN) Sarawak itu menunjukkan peningkatan sekali ganda berbanding 6,485 mangsa yang dipindahkan sehingga jam 1 pagi kelmarin, dengan sebahagian besar mangsa adalah dari kawasan pedalaman di wilayah tengah dan utara negeri.

Jurucakap Pusat Operasi



Fatimah memasak makanan untuk mangsa banjir Kampung Simpoh.
[FOTO MAS ADIB SAIE/BH]

Banjir Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri berkata selain Kuching, antara daerah lain yang terjejas teruk ialah Limbang, Marudi, Baram, Daro, Mukah, Serian, Padawan, Asajaya dan Samarahan.

“Berdasarkan ramalan Jabatan Meteorologi, seluruh negeri dijangka hujan lebat yang bertembung dengan fenomena air

pasang besar sehingga hujung bulan ini. Ini memungkinkan berlaku kenaikan mendadak paras air sungai yang berpotensi menyebabkan banjir, terutama di kawasan rendah dan tebing sungai,” katanya.

Sementara itu, Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak, Datuk Fatimah Abdullah menge-

sahkan keseluruhannya 76 sekolah dinaiki air di seluruh negeri, sekali gus menyebabkan 15,528 pelajar terjejas.

Terputus hubungan

Beliau berkata, sebanyak sembilan sekolah dijadikan pusat pemindahan membabitkan empat sekolah di Padawan, dua di Kuching dan masing-masing sebuah di Bau, Samarahan dan Mukah.

Di Limbang, ribuan penduduk di Batu Danau, terputus hubungan dengan Brunei selepas laluan utama menghubungkan kedua-dua kawasan itu ditenggelami air semalam.

Ia sekali gus menyebabkan ramai penduduk di kawasan terbabit yang berulang-alik bekerja ke negara jiran itu tidak dapat keluar mencari nafkah.

Penduduk, Jumai Radin, 45, berkata paras banjir sedalam tiga meter bukan hanya menenggelamkan laluan itu, malah turut menyebabkan banyak kenderaan terkandas.

“Berikutan kedudukan kawasan ini berhampiran kawasan sempadan, ramai penduduk setempat yang mencari rezeki di Brunei terutama dalam sektor minyak dan gas. Bagaimanapun, ramai tidak dapat keluar bekerja hari ini (semalam) kerana satu-satunya laluan menghubungkan Batu Danau dan negara jiran ditenggelami banjir,” katanya.

Ketua Bomba dan Penyelamat Zon Miri, Lau Poh Kiong, mengesahkan jumlah penduduk yang dipindahkan ke pusat penempatan sementara di wilayah utara negeri kini mencecah lebih 1,000 mangsa.